



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan Mengenai Pemberian Elaun Dan  
Kemudahan Bagi Pengerusi Bukan Eksekutif,  
Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli Lembaga  
Pengarah Badan-Badan Berkanun Persekutuan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>BADAN BERKANUN &amp; AHLI SEKTOR SWASTA .....</b>	<b>2</b>
<b>WP 7.1/2013 Peraturan Mengenai Pemberian Elaun Dan Kemudahan Bagi Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun Persekutuan.....</b>	<b>2</b>
1. <b>Tujuan .....</b>	<b>2</b>
2. <b>Latar Belakang .....</b>	<b>2</b>
3. <b>Peraturan Baru .....</b>	<b>2</b>
4. <b>Kuasa Meluluskan.....</b>	<b>3</b>
5. <b>Pemakaian .....</b>	<b>3</b>
6. <b>Perkara Am .....</b>	<b>3</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>4</b>

**BADAN BERKANUN & AHLI SEKTOR SWASTA****WP 7.1/2013 Peraturan Mengenai Pemberian Elaun Dan  
Kemudahan Bagi Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan  
Pengerusi Dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah  
Badan-Badan Berkanun Persekutuan****1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan peraturan mengenai pemberian elaun dan kemudahan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun Persekutuan.

**2. Latar Belakang**

- 2.1 Pada masa ini, tidak ada peraturan tetap mengenai pemberian elaun dan kemudahan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi dan Ahli - ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun Persekutuan kecuali garis panduan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa apabila dirujuk oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan. Di samping itu, adalah juga didapati bahawa elaun dan kemudahan itu ditetapkan sendiri oleh Badan-badan Berkanun berkenaan tanpa merujuk kepada Perbendaharaan terlebih dahulu.
- 2.2 Dengan hal yang demikian, adalah didapati jenis dan kadar elaun serta kemudahan yang diberikan itu berbeza-beza di antara satu Badan Berkanun dengan Badan Berkanun yang lain.
- 2.3 Oleh itu, Kerajaan telah memutuskan supaya diadakan satu peraturan tetap yang jelas dan seragam mengenai pemberian elaun dan kemudahan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun Persekutuan.

**3. Peraturan Baru**

- 3.1 Peraturan baru bagi pemberian elaun dan kemudahan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun Persekutuan adalah seperti di [\*\*Lampiran A\*\*](#).

#### **4. Kuasa Meluluskan**

- 4.1 Pelaksanaan pemberian elaun dan kemudahan di bawah peraturan ini hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun dan Y.B. Menteri berkenaan tertakluk kepada peruntukan berkaitan di bawah Akta Penubuhan Badan-badan Berkanun itu.
- 4.2. Perkara-perkara lain yang tidak mematuhi Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Perbendaharaan untuk pertimbangan.

#### **5. Pemakaian**

- 5.1. Peraturan ini hendaklah dipatuhi oleh Badan-badan Berkanun Persekutuan.
- 5.2. Di samping itu, peraturan ini hendaklah juga dipatuhi oleh panel dan jawatankuasa yang diwujudkan oleh Badan-badan Berkanun berkenaan mengikut peruntukan Akta masing-masing seperti Panel Pelaburan, Jawatankuasa Kewangan dan lain-lain seumpamanya, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti di [Lampiran B](#).

#### **6. Perkara Am**

- 6.1. Dengan peraturan yang baru ini , kadar elaun menghadiri mesyuarat sebanyak RM75.00 sekali mesyuarat yang dibayar kepada pegawai sektor swasta yang menjadi Ahli-ahli Lembaga /Majlis/Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan seperti diperuntukkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1989, juga dinaikkan kepada RM150.00 sekali mesyuarat.

# **LAMPIRAN**

**LAMPIRAN A**

**PERATURAN MENGENAI PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI  
PENGERUSI BUKAN EKSEKUTIF, TIMBALAN PENGERUSI DAN AHLI-AHLI  
LEMBAGA PENGARAH BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

<b>Jawatan (i)</b>	<b>Jenis Elaun/Kemudahan (ii)</b>	<b>Peraturan (iii)</b>
Pengerusi	1. <i>Elaun Tetap Bulanan.</i>	<p>(a) Bagi Pengerusi yang dibekalkan dengan gaji hakiki, Elaun Tetap Bulanan ditetapkan mengikut perkiraan 1/4 daripada matagaji maksimum yang ditetapkan itu</p> <p>(b) Bagi Pengerusi yang tidak dibekalkan dengan gaji hakiki, Elaun tetap Bulanan ditetapkan mengikut perkiraan 1/4 atas dua gred lebih tinggi daripada matagaji maksimum gred jawatan Ketua Eksekutif Badan Berkanun berkenaan tetapi tidak kurang daripada RM 1500.00</p>
Timbalan Pengerusi		<p>(a) Dibayar atas kadar 1/4 daripada Elaun Tetap Bulanan Pengerusi tetapi tidak kurang dari RM300.00 sebulan atau dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat atas kadar RM150.00 sekali mesyuarat yang mana sesuai bagi Badan Berkanun berkenaan</p>
Ahli-Ahli		<p>(a) Dibayar atas kadar 1/4 daripada Elaun Tetap Bulanan Pengerusi tetapi tidak kurang dari RM300.00 sebulan atau dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat atas kadar RM150.00 sekali mesyuarat yang mana sesuai bagi Badan Berkanun berkenaan</p>
Pengerusi	2. <i>Elaun Menghadiri Mesyuarat</i>	<p>(a) Tidak dibayar</p>
Timbalan Pengerusi		<p>(a) Dibayar RM150.00 sekali mesyuarat. (jika tidak dibayar Elaun Tetap Bulanan)</p>
Ahli-Ahli		<p>(a) Dibayar RM150.00 sekali mesyuarat. (jika tidak dibayar Elaun Tetap Bulanan)</p> <p>(b) Ahli Ganti atau Wakil Ahli layak dibayar RM150.00 sekali mesyuarat dengan syarat Akta Badan-badan Berkanun berkenaan membenarkan keahlian itu diwakili oleh Ahli Ganti atau wakil</p>

<b>Jawatan (i)</b>	<b>Jenis Elaun/Kemudahan (ii)</b>	<b>Peraturan (iii)</b>
Pengerusi Timbalan Pengerusi Ahli-Ahli	3. <i>Elaun Mempengerusikan Mesyuarat.</i>	<p>(a) Tidak dibayar</p> <p>(a) *Dibayar RM150.00 sekali mesyuarat.</p> <p>(a) *Dibayar RM150.00 sekali mesyuarat.</p>
Pengerusi	4. <i>Elaun/Kemudahan Semasa Bertugas Rasmi</i>	<p>(a) Jika bukan Pegawai Kerajaan, layak di bayar elaun/kemudahan mengikut kelayakan dan kadar-kadar Pegawai Kerajaan dua gred lebih tinggi dari kelayakan Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun berkenaan yang ditetapkan di bawah WP 1.4/2013 atau pindaannya.</p> <p>(b) Jika Pegawai Kerajaan, layak dibayar mengikut kelayakan yang ditetapkan di bawah WP 1.4/2013 atau pindaannya.</p>
Timbalan Pengerusi		<p>(a) Jika bukan Pegawai Kerajaan, layak di bayar mengikut kelayakan dan kadar-kadar Pegawai kerajaan kategori III bergaji RM3,138.00 hingga Kategori I bergaji RM3,871.00 yang ditetapkan di bawah WP 1.4/2013 atau pindaannya.</p> <p>(b) Jika Pegawai Kerajaan, layak dibayar mengikut kelayakan yang ditetapkan di bawah Pekeliling WP 1.4/2013 atau pindaannya</p>
Ahli-Ahli		<p>(a) Jika bukan Pegawai Kerajaan, layak di bayar mengikut kelayakan dan kadar-kadar yang ditetapkan kepada Pegawai Kerajaan kategori III bergaji RM3,138.00 hingga Kategori I bergaji RM3,871.00 di bawah WP 1.4/2013 atau pindaannya.</p> <p>(b) (b) Jika Pegawai Kerajaan, layak dibayar mengikut kelayakan yang ditetapkan di bawah WP 1.4/2013 atau pindaannya.</p>

\* Jika dikehendaki mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan Pengerusi dengan syarat peraturan ini dibenarkan oleh Akta berkenaan. Elaun ini tambahan kepada Elaun Tetap Bulanan atau Elaun Menghadiri Mesyuarat.

<b>Jawatan (i)</b>	<b>Jenis Elaun/Kemudahan (ii)</b>	<b>Peraturan (iii)</b>
Pengerusi	<i>5. Elaun Keraian</i>	Tidak dibayar
Timbalan Pengerusi		Tidak dibayar
Ahli-Ahli		Tidak dibayar (Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang mewakili Pengerusi boleh menggunakan peruntukan Badan Berkanun berkenaan jika keraian rasmi diperlukan atas kadar sebenar yang disokong dengan resit)
Pengerusi	<i>6. Kemudahan Perjalanan Dengan Kapal Terbang (Dalam dan Luar Negeri)</i>	<p>(a) Jika bukan Pegawai Kerajaan, kelayakan kelas penerbangan adalah Kelas satu.</p> <p>(b) Jika Pegawai Kerajaan, kelayakan kelas penerbangan adalah mengikut kelayakannya sebagaimana yang ditetapkan di bawah WP 1.4/2013 atau pindaannya.</p>
Timbalan Pengerusi		<p>(a) ** Jika bukan Pegawai Kerajaan , kelayakan kelas penerbangan adalah mengikut kelayakan seperti yang ditetapkan oleh badan/syarikat masing-masing yang diwakili oleh mereka.</p> <p>(b) Jika Pegawai Kerajaan, kelayakan kelas penerbangan adalah mengikut kelayakannya sebagaimana yang ditetapkan di bawah WP 1.4/2013 atau pindaannya.</p>
Ahli-Ahli		<p>(a) ** Jika bukan Pegawai Kerajaan, kelayakan kelas penerbangan adalah mengikut kelayakan seperti yang ditetapkan oleh badan/syarikat masing-masing yang diwakili oleh mereka.</p> <p>(b) Jika Pegawai Kerajaan, kelayakan kelas penerbangan adalah mengikut kelayakannya sebagaimana yang ditetapkan di bawah WP 1.4/2013 atau pindaannya.</p>

\*\* Jika tidak mewakili mana-mana badan/syarikat kelayakannya adalah mengikut kelayakan ahli yang mewakili badan/syarikat atau mengikut kelayakan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Badan Berkanun berkenaan

<b>Jawatan (i)</b>	<b>Jenis Elaun/Kemudahan (ii)</b>	<b>Peraturan (iii)</b>
Pengerusi	<i>7. Elaun Bantuan Sewa Rumah</i>	Tidak dibayar
Timbalan Pengerusi		Tidak dibayar
Ahli-Ahli		Tidak dibayar
Pengerusi	<i>8. Peruntukan Kereta Rasmi</i>	(a) Hanya Pengerusi sahaja layak dibekalkan dengan sebuah kereta rasmi tertakluk kepada perakuan Lembaga Pengarah Badan Berkanun berkenaan dan kelulusan perbendaharaan.
Timbalan Pengerusi		
Ahli-Ahli		(b) Timbalan Pengerusi dan Ahli bolehlah menggunakan kereta "pool" Badan Berkanun apabila melaksanakan tugas rasmi.
Pengerusi	<i>9. Kakitangan Sokongan</i>	*** Tidak dibayar
Timbalan Pengerusi		Tidak dibayar
Ahli-Ahli		Tidak dibayar
Pengerusi	<i>10. Peralatan Pejabat</i>	*** Tidak dibayar
Timbalan Pengerusi		Tidak dibayar
Ahli-Ahli		Tidak dibayar

\*\*\* Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli boleh menggunakan kakitangan Pejabat Badan Berkanun berkenaan untuk urusan rasmi

**LAMPIRAN B****PERATURAN MENGENAI PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI Pengerusi Timbalan Pengerusi DAN AHLI-AHLI PANEL/JAWATANKUASA YANG DITUBUH DI BAWAH PERUNTUKAN AKTA PENUBUHAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

1. Jika Pengerusi panel/jawatankuasa itu terdiri daripada Pengerusi Badan-badan Berkanun berkenaan, Pengerusi itu tidak layak dibayar Elaun Tetap Bulanan/Elaun Menghadiri Mesyuarat bagi panel/jawatankuasa tersebut.
2. Jika selain daripada Pengerusi Badan-badan Berkanun dilantik menjadi pengerusi panel/jawatankuasa berkenaan, ia layak dibayar Elaun Mempengerusikan Mesyuarat atas kadar RM150.00 sekali mesyuarat.
3. Jika Timbalan Pengerusi atau Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun berkenaan dilantik menjadi Pengerusi panel/jawatankuasa berkenaan, ia layak dibayar Elaun Mempengerusikan Mesyuarat atas kadar RM150.00 sekali mesyuarat dengan syarat perlantikan mereka itu dibenarkan oleh Akta berkenaan.
4. Timbalan Pengerusi atau Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun berkenaan yang menerima Elaun Tetap Bulanan, tetapi dilantik menjadi ahli panel/jawatankuasa berkenaan, dan dibenarkan oleh Akta berkenaan, tidak layak dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat.
5. Timbalan Pengerusi atau Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun berkenaan yang hanya menerima Elaun Menghadiri Mesyuarat atas kadar RM150.00 sekali mesyuarat jika ia menjadi ahli dan menghadiri mesyuarat panel/jawatankuasa berkenaan dengan syarat perlantikan itu dibenarkan oleh Akta berkenaan.
6. Ahli-ahli panel/jawatankuasa yang bukan terdiri daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun berkenaan atau Ahli Ganti atau Wakil Ahli layak dibayar Elaun Menghadiri Mesyuarat atas kadar RM150.00 sekali mesyuarat dengan syarat perlantikan Ahli Ganti/Wakil Ahli itu dibenarkan oleh Akta berkenaan.